

UCAPAN ALUAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PROGRAM BICARA AD-DEEN SEMPENA SAMBUTAN MAAL
HIJRAH 1433 H
PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PADA 11 DISEMBER 2011

DI MASJID TERAPUNG AL-HUSSAIN, KUALA PERLIS.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Sohibus Samahah Dr. Haji Juanda Bin Jaya, Mufti Kerajaan Negeri Perlis Merangkap Profesor Adjung UniMAP

Yang Berbahagia Saudara Shamril Bin Mohd Salleh (Sham Kamikaze), Artis / Pemuzik Profesional/ Pendakwah bebas

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai utama universiti

Ahli- Ahli jawatankuasa Kariah Masjid Terapung Al-Hussain, Kuala Perlis

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya para jemaah yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada malam yang barakah ini sekaligus dapat menambahkan ilmu serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

Sambutan Ma'al Hijrah adalah acara tahunan dalam kalender Islam, ia bagi mengenang kembali hari penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah.

Namun, bagi kita sambutan Ma'al Hijrah bukan sahaja bagi memperingati peristiwa penghijrahan itu kerana ia mempunyai maksud yang lebih luas. Hijrah bukan semata-mata hijrah tempat atau lokasi, akan tetapi juga membawa maksud hijrah sikap dan perbuatan. Hijrah sikap merupakan keutamaan kita hari ini yang perlu difahami dengan mendalam. Ini kerana, pelbagai masalah, isu, ancaman, ujian melibatkan sikap kita.

Hadirin sekalian

Bersempena dengan Tema Sambutan Maal Hijrah bagi tahun 1433 Hijrah ini iaitu “Persefahaman Asas Perpaduan Ummah”. Ia amat bertepatan dengan suasana globalisasi masa kini kerana Islam adalah agama yang bersifat universal yang menyeru kepada perpaduan dan persaudaraan.

Islam berkehendakkan umatnya bersatu padu dan mengelak perpecahan, kerana perpecahan hanya akan melemahkan tetapi perpaduan pula akan menambah kekuatan ummah itu sendiri.

Banyak ayat al-Quran mengenai perkara itu, malah menggesa sikap berkasih sayang, hormat menghormati sesama umat Islam dan bukan Islam.

Seperti firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 112:

“Dijatuhkan kehinaan ke atas mereka walau dimana mereka berada kecuali yang mempunyai dua pertalian iaitu pertalian dengan Allah dan pertalian dengan manusia”.

Ayat di atas jelas menunjukkan Allah S.W.T sangat menitikberatkan kepada umatNya supaya hidup saling bekerjasama dan bersefahaman dalam masyarakat. Kerana itulah satu-satunya cara yang boleh memberikan kehidupan yang aman damai dan sejahtera kepada kita.

Hadirin sekalian,

Di kesempatan ini saya ingin menyeru kepada para jemaah yang hadir pada malam ini untuk sama-sama berhijrah dan menetapkan azam yang baru dalam memperbaiki diri ke arah yang lebih baik. Semoga lebih banyak kemajuan dan kejayaan yang akan dicapai oleh kita semua, InsyaAllah. Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah sempena Sambutan Ma'al Hijrah pada tahun ini

Sekian. Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.